

30 JAN 1998

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN EKONOMI NEGARA PERLU DILANCARKAN

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Kerajaan perlu melancarkan pelan tindakan pemulihan ekonomi dan daya saing untuk menggerakkan seluruh negara dalam menangani dan mengatasi isu-isu berkaitan ekonomi.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) perlu memberi perhatian kepada perkara itu, kata Datuk Lee Lam Thye dalam satu kenyataan hari ini dalam mengulas perutusan Hari Raya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lee yang merupakan anggota panel Lembaga Penasihat Perpaduan Negara menyambut baik seruan Perdana Menteri supaya rakyat mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri dalam mengatasi masalah ekonomi yang memerlukan kerjasama semua pihak.

"Dalam waktu-waktu krisis ekonomi yang menjejaskan seluruh negara apa yang diperlukan ialah perpaduan, keberanian dan keazaman dalam menghadapi masalah ini dan merumuskan langkah-langkah berkesan untuk menanganinya," kata beliau.

Lee berkata perpaduan negara membabitkan, masyarakat, pekerja dan pengurus, sektor perniagaan dan kerajaan adalah paling penting dalam mengatasi kegawatan sekarang ini. -- BERNAMA

MR PR